

20/05/2003

Malaysia tidak akan tunduk kepada Amerika: Dr Mahathir

Mohd Azlan Jaafar; Zainab Mohd Yatim

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan Malaysia tidak akan tunduk kepada kehendak Amerika Syarikat semata-mata mahu menggembirakan kuasa besar itu atau bagi mengelak dikenakan tindakan.

Perdana Menteri juga yakin penggantinya tidak akan mengubah dasar luar Malaysia terhadap Amerika Syarikat selepas persaraannya nanti.

"Saya rasa tidak. Saya mempunyai keyakinan penuh kepada pengganti saya bagi meneruskan dasar sedia ada. Tiada masalah," katanya pada sidang media

selepas Majlis Dialog Bajet 2004 di Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Dr Mahathir ditanya sama ada Malaysia akan `kowitz' (istilah Kantonis yang bermaksud tunduk) terhadap kehendak Amerika Syarikat atau membuat perubahan dasar luar negara selepas beliau tidak lagi menerajui kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sudah dinamakan sebagai pengganti Dr Mahathir selepas persaraan Perdana Menteri, Oktober ini.

Perdana Menteri bagaimanapun tidak menafikan Malaysia mungkin dikenakan tindakan berikutan kelantangan negara ini menentang beberapa dasar Amerika Syarikat, terutama pencerobohan terhadap Iraq.

"Ada kemungkinan kerana dah disebut mereka yang menolong (Amerika Syarikat) akan diberi layanan istimewa manakala yang tidak menolong akan didera termasuklah Perancis, Jerman dan Russia.

"Kita termasuk jugalah dalam golongan itu... tapi saya tak tau la apa dia nak buat," katanya.

Perdana Menteri yang ditanya sama ada Malaysia sedia menangani sebarang tindakan negara itu, berkata: "Kita tengok apa dia buat dan kita cari jalan."

Malaysia antara negara termasuk Perancis, Jerman dan Russia yang menyatakan bantahan terhadap tindakan ketenteraan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq.

Bantahan itu berikutan serangan terhadap Iraq dilakukan tanpa kelulusan

Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Amerika Syarikat sebelum menyerang Iraq lebih dua bulan lalu, memberi kata dua kepada negara di dunia sama ada bersamanya atau dianggap sebagai penentang jika tidak menyokong operasi ketenteraan di Iraq.

Iraq jatuh ke tangan tentera penceroboh selepas kira-kira sebulan diserang. Banyak negara yang menyokong Amerika Syarikat dan sekutunya menerima layanan baik termasuk terbabit dalam pembinaan semula Iraq selain

menandatangani hubungan perdagangan yang lebih baik dengan Amerika Syarikat.

Mengenai langkah keselamatan yang diambil Malaysia bagi menangani serangan penganas seperti di Riyadh, Arab Saudi dan Casablanca, Maghribi, Dr Mahathir berkata, tiada negara yang selamat daripada serangan seperti itu.

"Kita sudah mengambil semua langkah perlu, tetapi serangan penganas boleh berlaku di mana-mana saja di dunia termasuk di Amerika Syarikat, Britain atau negara lain," katanya.